

Kempen Promosi Tap, Track, Win bersama MAE dan

Maybank2u Always-On 2026 Lebih ONG Lebih MAE-riah

Terma & Syarat



Kempen Promosi Tap, Track, Win bersama MAE dan Maybank2u Always-On 2026 Lebih ONG Lebih MAE-riah ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran 196001000142) (dikenali sebagai "**Maybank**") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat.

1.0 Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada 3hb Februari 2026 pada 06:00:00 AM (MYT) dan akan berakhir pada 30hb April 2026 pada 11:59:59 PM (MYT), termasuk kedua-dua tarikh yang akan selepas ini dirujuk sebagai "**Tempoh Kempen**". Sekiranya kempen berakhir lebih awal sebelum 30hb April 2026, satu pemberitahuan akan dibuat di www.maybank2u.com.my.

2.0 Kelayakan

- a) Kempen ini terbuka kepada individu yang mempunyai ID/akaun Maybank2u (M2u) aktif (termasuk pelanggan Maybank Anytime Everywhere ("**MAE**") yang Ikut Serta dengan mengklik 'Sertai Sekarang' dalam Kempen Tap, Track, Win kami dan melaksanakan mana-mana transaksi yang layak (seperti yang dinyatakan dalam lajur bertanda 'Transaksi Yang Layak' jadual dalam Klausula 3.0 (e) ("**Transaksi Yang Layak**") melalui laman sesawang Maybank2u (www.maybank2u.com.my) dan Aplikasi MAE by Maybank2u (juga dikenali sebagai "**aplikasi MAE**") (versi 0.9.14 dan ke atas) ("**Platform Yang Layak**").
 - i. Pelanggan boleh menyemak versi aplikasi MAE menerusi Apple App Store, Huawei App Gallery dan/atau Google Play Store.
 - ii. Walau bagaimanapun, permainan 'Tap, Track, Win' ("**Permainan**") hanya tersedia di aplikasi MAE yang dimuat turun dari Apple App Store, Huawei App Gallery dan/atau Google Play Store.
 - iii. Pelanggan mesti memastikan bahawa Secure2u mereka didayakan dan diaktifkan pada peranti yang digunakan untuk Platform Yang Layak mengikut Klausula 2.0(a), yang mana berkenaan.
- b) Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Bagi individu di bawah umur lapan belas

(18) tahun (“Bawah umur”), mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga yang sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE adalah pengakuan kepada Maybank bahawa Kanak-Kanak di Bawah Umur telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaganya yang sah untuk menyertai Kempen ini. Terma dan Syarat ini akan dikenakan kepada serta mengikat ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur yang sah dan kesannya adalah sama seperti jika ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur adalah pihak yang bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.

- c) Pelanggan Yang Layak dikehendaki Ikut Serta dengan mengklik 'Sertai Sekarang' ke Kempen Tap, Track, Win kami.
- d) Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas dan telah melakukan Transaksi Yang Layak yang berjaya selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Yang Layak**".

3.0 Mekanik dan Syarat Kempen

- a) Pelanggan Yang Layak dikehendaki melakukan mana-mana Transaksi Yang Layak melalui mana-mana Platform Yang Layak untuk mendapatkan Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan ("**Penyertaan**" atau "**Penyertaan-penyertaan**") untuk melengkapkan Penjejak ("**Penjejak Yang Layak**") (seperti yang ditunjukkan dalam **Klausu 3.0(e)**).
- b) Semua Penyertaan Pelanggan Yang Layak hanya sah dalam Tempoh Kempen yang dinyatakan dalam Klausu 1.0 di atas. Semua Penjejak akan dimuat semula pada hari pertama setiap bulan dan Penyertaan-penyertaan Pelanggan Yang Layak akan ditetapkan semula kepada sifar, melainkan dinyatakan sebaliknya untuk Penjejak terpilih seperti yang ditetapkan dalam Klausu 3.0 (e).
- c) Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan yang diperoleh setelah melaksanakan Transaksi Yang Layak ditandakan pada setiap ID/akaun Maybank2u individu Pelanggan Yang Layak. Penyertaan yang diperoleh tidak boleh dipindahkan ke ID/akaun Maybank2u lain tidak kira sama ada ID/akaun Maybank2u dimiliki oleh individu yang sama dengan Pelanggan Yang Layak atau tidak.
- d) Pelanggan Yang Layak boleh memperoleh Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan untuk melengkapkan Penjejak dalam Tap, Track, Win dan satu peluang untuk Pulangan Tunai (rujuk pada Klausu 4.0 dan selepasnya) seperti di bawah:

Kaedah	Penyertaan Yang Layak Untuk Menang
Lengkapkan Transaksi Yang Layak sekurang-kurangnya sekali seperti yang dinyatakan dalam Klausu 3.0(e) di bawah.	Dapatkan +1 penyertaan untuk Penjejak yang layak

Lengkapkan jumlah Transaksi yang Layak yang ditetapkan bagi setiap Penjejak seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3.0(e) di bawah.	Dapatkan +1 penyertaan untuk memenangi Pulangan Tunai bagi Penjejak yang lengkap
---	--

- e) Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan Yang Layak boleh mendapatkan Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan untuk melengkapkan Penjejak dengan melakukan Transaksi Yang Layak seperti yang ditetapkan di bawah:

No.	Transaksi Yang Layak	Amaun transaksi minimum (RM)	Platform untuk Dapatkan Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan		Jumlah Transaksi Yang Layak untuk melengkapkan Penjejak
			Aplikasi MAE	Web M2u	
1	Laksanakan Daftar Masuk tujuh (7) hari bukan berturut-turut dalam bulan kalendar yang sama melalui aplikasi MAE.	Tidak tersedia	✓	X	Lengkapkan 7 hari
2	Lakukan transaksi DuitNow QR Imbas & Bayar di mana-mana peniaga Maybank dan bukan Maybank yang menyertai di seluruh negara melalui aplikasi MAE sahaja, dengan sumber dana daripada akaun simpanan, semasa atau MAE anda. <i>Untuk lebih jelas:</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Transaksi Imbas & Bayar yang menggunakan kad kredit sebagai sumber dana</i> 	RM10.00	✓	x	5 transaksi yang berjaya

	<p><i>bukanlah Transaksi Yang Layak.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembahagian bil bagi tujuan memperoleh penyertaan berbilang adalah tidak dibenarkan. 				
3	Lakukan pembayaran QR di mana-mana peniaga yang menyertai yang mempunyai Kod QR NETS (Singapura), Prompt Pay (Thailand), QRIS (Indonesia) dan KHQR (Kemboja).	RM10.00	✓	x	3 transaksi yang berjaya
4	<p>Bayar Zakat melalui aplikasi MAE atau laman web M2u.</p> <p>Tertakluk kepada badan kutipan Zakat yang tersedia di aplikasi MAE atau laman web M2u sahaja.</p>	RM5.00	✓	✓	2 transaksi yang berjaya

- f) Untuk semua Transaksi Yang Layak yang dilakukan melalui laman sesawang M2u dan diluluskan oleh Secure2u,
- i. Pelanggan Yang Layak perlu memuat turun, log masuk ke aplikasi MAE dan Ikut Serta dengan mengklik 'Sertai Sekarang' ke Kempen Tap, Track, Win kami untuk menerima Penyertaan atau Penyertaan-Penyertaan masing-masing dalam Permainan.
 - ii. Transaksi Yang Layak seterusnya yang dilakukan di laman sesawang M2u, jika ada, akan memerlukan Pelanggan Yang Layak untuk melancarkan aplikasi MAE selepas setiap Transaksi Yang Layak untuk Penyertaan atau Penyertaan-penyertaan dipaparkan di aplikasi MAE.
 - iii. Jika Transaksi Yang Layak dilakukan sama ada pada aplikasi MAE atau laman sesawang Maybank tetapi Secure2u untuk transaksi itu tidak diluluskan pada aplikasi MAE, Pelanggan Yang Layak tidak akan menerima Penyertaan atau

Penyertaan-Penyertaan untuk transaksi tersebut dan transaksi itu dianggap tidak layak untuk memperolehi Penyertaan atau Penyertaan-Penyertaan.

- g) Hanya pembayaran yang dibuat melalui Akaun Semasa, Akaun Simpanan Maybank atau Dompot MAE yang sah dan melalui Platform Yang Layak (seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3.0(a) semasa Tempoh Kempen akan layak untuk Kempen ini.
- i. Pembayaran akan datang/lanjutan yang berlaku melalui Platform Yang Layak selepas Tempoh Kempen adalah tidak layak.

Contohnya:

Senario		Penyertaan Yang Layak untuk Transaksi Yang Layak
a	Satu (1) transaksi Imbas & Bayar sebanyak RM10.00 yang dibuat antara 3 Februari 2026 hingga 28 Februari 2026, dibiayai daripada akaun simpanan Maybank	Satu (1) penyertaan telah diperolehi untuk Penjejak Imbas & Bayar.
b	Satu (1) Imbas & Bayar sebanyak RM5.00 kepada penerima pada 3 Februari 2026, dibiayai daripada kad kredit.	Tiada Penyertaan diperolehi kerana transaksi tidak memenuhi syarat minimum transaksi. Oleh itu, ia tidak memenuhi keperluan 'Transaksi Yang Layak' mengikut Klausula 3.0(e).
c	LIMA (5) kali Imbas & Bayar sebanyak RM10.00 kepada penerima antara 3 Februari 2026 hingga 28 Februari 2026, dibiayai daripada akaun simpanan Maybank.	Satu (1) penyertaan untuk Pulangan Tunai telah diperolehi untuk Penjejak Imbas & Bayar yang dilengkapkan untuk bulan tersebut.

4.0 Tempoh Pulangan Tunai

Kelayakan Pulangan Tunai untuk Kempen ini bermula pada 3hb Februari 2026 pada jam 06:00:00 AM (MYT) dan akan berakhir pada 30hb April 2026 pada jam 11:59:59 PM (MYT), termasuk kedua-dua tarikh, atau sehingga jumlah had Pulangan Tunai (seperti yang dinyatakan dalam jadual dalam Klausula 6.0(a) di bawah telah habis, yang mana lebih awal ("**Tempoh Pulangan Tunai**"), untuk transaksi yang disenaraikan dalam Klausula 3.0(e) di atas melainkan diberitahu sebaliknya.

5.0 Kelayakan Pulangan Tunai dan Platform

- a) Pulangan Tunai hanya tersedia kepada semua Pelanggan Yang Layak yang membuka/ mempunyai dompet **MAE** aktif selepas melengkapkan Penjejak (untuk tujuan Klausu 4.0 hingga 8.0, "**Pelanggan Yang Layak**" akan digunakan bagi merujuk kepada Pelanggan Yang Layak yang telah memenuhi kriteria di bawah Klausu 5.0).
- b) Pulangan Tunai hanya tersedia kepada semua Pelanggan Yang Layak yang telah Ikut Serta dengan mengklik 'Sertai Sekarang' ke Kempen Tap, Track, Win.
- c) Pulangan Tunai ini terpakai untuk Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Klausu 3.0(e) di atas, dilaksanakan melalui Platformm Yang Layak.
- d) Semasa Tempoh Pulangan Tunai ini, Pelanggan Yang Layak adalah layak untuk berpeluang memperoleh Pulangan Tunai dengan melengkapkan Penjejak Transaksi Yang Layak seperti yang ditetapkan dalam Klausu 3.0(e) di atas.

6.0 Mekanik dan Syarat Pulangan Tunai

- a) Dalam Tempoh Pulangan Tunai ini, Maybank akan menawarkan kepada semua Pelanggan Yang Layak peluang untuk memenangi Pulangan Tunai sehingga had RM48.50, tertakluk kepada pelengkapan semua Penjejak dalam bulan kalendar yang sama seperti yang ditetapkan dalam Klausu 3.0(e), (tertakluk kepada ketersediaan, jumlah dan had pulangan tunai harian dan had bagi setiap Pelanggan Yang Layak seperti yang dinyatakan di bawah) ("**Pulangan Tunai**").

i. Penjejak Daftar Masuk Pulangan Tunai

1	Nilai Pulangan Tunai	Nilai Pulangan Tunai harian diberi berdasarkan siapa cepat, dia dapat pada hari daftar masuk seperti yang berikut:		
		<table border="1"><thead><tr><th>Hari Daftar Masuk</th><th>Jumlah Nilai Pulangan Tunai</th></tr></thead><tbody><tr><td>Hari 7</td><td>Dari minimum RM0.10 hingga maksimum RM0.50.</td></tr></tbody></table>	Hari Daftar Masuk	Jumlah Nilai Pulangan Tunai
Hari Daftar Masuk	Jumlah Nilai Pulangan Tunai			
Hari 7	Dari minimum RM0.10 hingga maksimum RM0.50.			
2	Jumlah Pulangan Harian Had Pulangan Tunai	Jumlah Pulangan Tunai setiap hari dihadkan seperti yang berikut (" Jumlah Had Pulangan Tunai Harian ").		

		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Hari Daftar Masuk</th> <th>Bulan</th> <th>Jumlah Had Pulangan Tunai Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">Hari 7</td> <td>Februari 2026</td> <td>RM 1,071.43</td> </tr> <tr> <td>Mac 2026</td> <td>RM 967.74</td> </tr> <tr> <td></td> <td>April 2026</td> <td>RM1,000.00</td> </tr> </tbody> </table>	Hari Daftar Masuk	Bulan	Jumlah Had Pulangan Tunai Harian	Hari 7	Februari 2026	RM 1,071.43	Mac 2026	RM 967.74		April 2026	RM1,000.00
Hari Daftar Masuk	Bulan	Jumlah Had Pulangan Tunai Harian											
Hari 7	Februari 2026	RM 1,071.43											
	Mac 2026	RM 967.74											
	April 2026	RM1,000.00											
3	Kriteria Kelayakan Minimum	Penyelesaian Penjejak dalam Kempen Tap, Track, Win ini.											
4	Had Pulangan Tunai bagi setiap Pelanggan Yang Layak	Jumlah sehingga RM0.50 setiap Individu untuk sepanjang bulan, tertakluk kepada Jumlah Had Pulangan Tunai Harian.											
5	Jumlah Bilangan Had Pengguna Harian	<p>Jumlah bilangan Had Pengguna Harian dihadkan setiap hari sepanjang Tempoh Pulangan Tunai ini ("Jumlah Had Pengguna Harian") seperti yang berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Hari Daftar Masuk</th> <th>Bulan</th> <th>Jumlah Had Pengguna Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">Hari 7</td> <td>Februari 2026</td> <td>8,357</td> </tr> <tr> <td>Mac 2026</td> <td>3,871</td> </tr> <tr> <td>April 2026</td> <td>4,000</td> </tr> </tbody> </table>	Hari Daftar Masuk	Bulan	Jumlah Had Pengguna Harian	Hari 7	Februari 2026	8,357	Mac 2026	3,871	April 2026	4,000	
Hari Daftar Masuk	Bulan	Jumlah Had Pengguna Harian											
Hari 7	Februari 2026	8,357											
	Mac 2026	3,871											
	April 2026	4,000											

ii. Bayar melalui Pulangan Tunai Penjejak Imbas & Bayar

1	Nilai pulangan tunai	Pulangan Tunai secara rawak yang berjulat dari minimum RM0.80 hingga maksimum RM28.00.		
2	Jumlah Had Pulangan Tunai	<p>Jumlah Pulangan Tunai setiap hari dihadkan seperti yang berikut ("Jumlah Had Pulangan Tunai Harian").</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Jumlah Had Pulangan Tunai Harian</th> </tr> </thead> <tbody> </tbody> </table>	Bulan	Jumlah Had Pulangan Tunai Harian
Bulan	Jumlah Had Pulangan Tunai Harian			

		<table border="1"> <tr> <td>Februari 2026</td> <td>RM 5,357.14</td> </tr> <tr> <td>Mac 2026</td> <td>RM 6,451.61</td> </tr> <tr> <td>April 2026</td> <td>RM 5,000.00</td> </tr> </table>	Februari 2026	RM 5,357.14	Mac 2026	RM 6,451.61	April 2026	RM 5,000.00		
Februari 2026	RM 5,357.14									
Mac 2026	RM 6,451.61									
April 2026	RM 5,000.00									
3	Kriteria Kelayakan Minimum	Penyelesaian Penjejak dalam Kempen Tap, Track, Win ini adalah mengikut Klausula 3.0 (e) yang ditetapkan.								
4	Had Pulangan Tunai bagi setiap Pelanggan Yang Layak	Jumlah SATU (1) Penyertaan Pulangan Tunai untuk Penjejak ini; Jumlah sehingga RM28.00 setiap Individu untuk sepanjang bulan, tertakluk kepada Jumlah Had Pulangan Tunai Harian.								
5	Jumlah Bilangan Had Pengguna Harian	<p>Jumlah bilangan Had Pengguna Harian dihadkan setiap hari sepanjang Tempoh Pulangan Tunai ini ("Jumlah Had Pengguna Harian") seperti yang berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Jumlah Had Pengguna Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Februari 2026</td> <td>5,527</td> </tr> <tr> <td>Mac 2026</td> <td>6,657</td> </tr> <tr> <td>April 2026</td> <td>5,346</td> </tr> </tbody> </table>	Bulan	Jumlah Had Pengguna Harian	Februari 2026	5,527	Mac 2026	6,657	April 2026	5,346
Bulan	Jumlah Had Pengguna Harian									
Februari 2026	5,527									
Mac 2026	6,657									
April 2026	5,346									

iii. Penjejak Pembayaran QR di negara lain*

1	Nilai pulangan tunai	Pulangan Tunai secara rawak yang berjulat dari minimum RM1.00 hingga maksimum RM10.00.								
2	Jumlah Had Pulangan Tunai	<p>Jumlah Pulangan Tunai setiap hari dihadkan pada ("Jumlah Had Pulangan Tunai Harian") berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Jumlah Had Pulangan Tunai Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Februari 2026</td> <td>RM357.14</td> </tr> <tr> <td>Mac 2026</td> <td>RM322.58</td> </tr> <tr> <td>April 2026</td> <td>RM333.33</td> </tr> </tbody> </table>	Bulan	Jumlah Had Pulangan Tunai Harian	Februari 2026	RM357.14	Mac 2026	RM322.58	April 2026	RM333.33
Bulan	Jumlah Had Pulangan Tunai Harian									
Februari 2026	RM357.14									
Mac 2026	RM322.58									
April 2026	RM333.33									

3	Kriteria Kelayakan Minimum	Penyelesaian Penjejak dalam Kempen Tap, Track, Win ini adalah mengikut Klausula 3.0 (e) yang ditetapkan								
4	Had Pulangan Tunai bagi setiap Pelanggan Yang Layak	Jumlah SATU (1) Penyertaan Pulangan Tunai untuk Penjejak ini; Jumlah sehingga RM10.00 setiap Individu untuk sepanjang bulan, tertakluk kepada Jumlah Had Pulangan Tunai Harian.								
5	Jumlah Bilangan Had Pengguna Harian	Jumlah bilangan Had Pengguna Harian dihadkan kepada jumlah pengguna setiap hari sepanjang Tempoh Pulangan Tunai ini (" Jumlah Had Pengguna Harian "): <table border="1" data-bbox="703 745 1374 1077"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Jumlah Had Pengguna Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Februari 2026</td> <td>279</td> </tr> <tr> <td>Mac 2026</td> <td>252</td> </tr> <tr> <td>April 2026</td> <td>260</td> </tr> </tbody> </table>	Bulan	Jumlah Had Pengguna Harian	Februari 2026	279	Mac 2026	252	April 2026	260
Bulan	Jumlah Had Pengguna Harian									
Februari 2026	279									
Mac 2026	252									
April 2026	260									

**seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3(e).*

iv. Penjejak Pembayaran Zakat*

1	Nilai Pulangan Tunai	Pulangan Tunai secara rawak yang berjulat dari minimum RM1.00 hingga maksimum RM10.00.								
2	Jumlah Had Pulangan Tunai	Jumlah Pulangan Tunai setiap hari dihadkan pada (" Jumlah Had Pulangan Tunai Harian ") berikut: <table border="1" data-bbox="703 1406 1355 1742"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Jumlah Had Pulangan Tunai Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Februari 2026</td> <td>RM53.57</td> </tr> <tr> <td>Mac 2026</td> <td>RM64.52</td> </tr> <tr> <td>April 2026</td> <td>RM17.00</td> </tr> </tbody> </table>	Bulan	Jumlah Had Pulangan Tunai Harian	Februari 2026	RM53.57	Mac 2026	RM64.52	April 2026	RM17.00
Bulan	Jumlah Had Pulangan Tunai Harian									
Februari 2026	RM53.57									
Mac 2026	RM64.52									
April 2026	RM17.00									
3	Kriteria Kelayakan Minimum	Penyelesaian Penjejak dalam Kempen Tap, Track, Win ini adalah mengikut Klausula 3.0 (e) yang ditetapkan.								
4	Had Pulangan Tunai bagi setiap	Jumlah SATU (1) Penyertaan Pulangan Tunai untuk Penjejak ini; Jumlah sehingga RM10.00 setiap								

	Pelanggan Yang Layak	Individu untuk sepanjang bulan, tertakluk kepada Jumlah Had Pulangan Tunai Harian.								
5	Jumlah Bilangan Had Pengguna Harian	Jumlah bilangan Had Pengguna Harian dihadkan kepada jumlah pengguna setiap hari sepanjang Tempoh Pulangan Tunai ini (" Jumlah Had Pengguna Harian "): <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #FFD700;">Bulan</th> <th style="background-color: #FFD700;">Jumlah Had Pengguna Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Februari 2026</td> <td>40</td> </tr> <tr> <td>Mac 2026</td> <td>48</td> </tr> <tr> <td>April 2026</td> <td>8</td> </tr> </tbody> </table>	Bulan	Jumlah Had Pengguna Harian	Februari 2026	40	Mac 2026	48	April 2026	8
Bulan	Jumlah Had Pengguna Harian									
Februari 2026	40									
Mac 2026	48									
April 2026	8									

e) Berdasarkan bilangan Transaksi Yang Layak yang dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam jadual Klausu 6.0(a) di atas, Pelanggan Yang Layak akan menerima Pulangan Tunai seperti yang dinyatakan dalam Klausu 7.0 di bawah.

Ilustrasi

Senario		Pulangan Tunai Yang Layak untuk Transaksi Yang Layak
a	Pelanggan Yang Layak melengkapkan DUA (2) hari Daftar Masuk bukan berturut-turut untuk Daftar Masuk Harian dalam Kempen Tap, Track, Win.	2x Penyertaan diperoleh untuk melengkapkan Penjejak. Pulangan Tunai tidak akan dikreditkan sehingga Pelanggan Yang Layak melengkapkan bilangan hari Daftar Masuk tidak berturut-turut tertentu dalam bulan kalendar yang sama seperti yang ditetapkan dalam Klausu 3.0(e).
b	Pelanggan Yang Layak melengkapkan TUJUH (7) hari Daftar Masuk bukan berturut-turut untuk Daftar Masuk Harian dalam Kempen Tap, Track, Win.	1x Pulangan Tunai sebanyak RM0.50 akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan Yang Layak, tertakluk kepada Klausu 7.0(c) & (d).
c	Pelanggan Yang Layak mempunyai SATU (1) Penyertaan untuk Pulangan Tunai Penjejak Imbas & Bayar	Tiada Pulangan Tunai akan diberikan kerana transaksi tidak memenuhi kriteria kelayakan iaitu minimum LIMA (5) penyertaan yang lengkap seperti yang ditetapkan dalam Klausu 3.0 (e).

	dalam Kempen Tap, Track, Win.	
d	Pelanggan Yang Layak mempunyai DUA (2) Penyertaan untuk Pulangan Tunai Penjejak Imbas & Bayar dalam Kempen Tap, Track, Win.	Tiada Pulangan Tunai akan diberikan kerana transaksi tidak memenuhi kriteria kelayakan iaitu minimum LIMA (5) penyertaan yang lengkap seperti yang ditetapkan dalam Klausu 3.0 (e).
e	Pelanggan Yang Layak melengkapkan Pulangan Tunai Penjejak Imbas & Bayar dalam Kempen Tap, Track, Win.	1x Peluang Pulangan Tunai sehingga RM28 akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan Yang Layak, tertakluk kepada Klausu 7.0(c) & (d).
f	Pelanggan Yang Layak ialah 5,527 pengguna harian pertama yang melengkapkan Penjejak Imbas & Bayar dalam Kempen Tap, Track, Win untuk bulan Februari 2026.	1x Pulangan Tunai sebanyak RM28 akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan Yang Layak, tertakluk kepada Klausu 7.0(c) & (d).
g	Pelanggan Yang Layak ialah pengguna harian yang ke 5,530 yang melengkapkan Penjejak Imbas & Bayar dalam Kempen Tap, Track, Win untuk bulan Februari 2026.	Tiada Pulangan Tunai akan diberikan kerana Jumlah Had Pengguna Harian sebanyak 5,527 pengguna harian telah dicapai.

7.0 Pulangan Tunai

- a) Nilai Pulangan Tunai untuk dimenangi adalah rawak dan berjulat dari minimum RM0.10 hingga maksimum RM28.00 apabila Pelanggan Yang Layak melengkapkan Penjejak terpilih dalam Kempen Tap, Track, Win seperti yang ditetapkan dalam Klausu 6.0(a), ATAU RM0.00 (i) setelah penggunaan sepenuhnya Jumlah Had Pulangan Tunai Harian seperti yang dinyatakan dalam Klausu 6.0(a), atau apabila mencapai Jumlah Had Pulangan Tunai Kempen ini, seperti yang dinyatakan dalam Klausu 6.0(a); ATAU (ii) teruskan melaksanakan transaksi selepas menyelesaikan Pulangan Tunai Penjejak yang dipilih dalam Kempen Tap, Track, Win.

- b) Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun dompet MAE Pelanggan Yang Layak pada hari berikutnya.
- c) Dalam senario yang mana Pelanggan Yang Layak tidak mempunyai akaun dompet MAE selepas melengkapkan Penjejak, Pulangan Tunai akan dilupuskan.
- d) Dalam senario yang mana Pelanggan Yang Layak mempunyai akaun dompet MAE tetapi akaun dompet MAE Pelanggan Yang Layak telah mencapai had maksimumnya, Pelanggan Yang Layak tidak akan menerima Pulangan Tunai.

8.0 Pemilihan Pelanggan Yang Layak untuk Pulangan Tunai

- a) Pelanggan Yang Layak akan dimaklumkan tentang Pulangan Tunai yang dimenangi melalui aplikasi MAE dan adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Yang Layak untuk menyemak pemberitahuan tersebut.
- b) Maybank berhak meminta sebarang dokumentasi atau bukti bertulis berkaitan pengenalan, umur, dan tempat kediaman Pelanggan Yang Layak untuk tujuan pengesahan bagi memastikan pematuhan kepada Terma & Syarat.
- c) Maybank berhak untuk membatalkan dan menarik balik Pulangan Tunai yang dimenangi jika Pelanggan Yang Layak tidak mematuhi Terma & Syarat di sini.

9.0 Terma dan Syarat Umum

- (a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- (b) Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- (c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan

daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma dan Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

- (d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- (i) tujuan Kempen; dan
- (ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- (e) Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggung terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuiaan atau pengabaian oleh Maybank.
- (f) Maybank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk,

tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

- (g) Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- (h) Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my).